



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI 2024

BANGI, 6 November 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Konvensyen Kebangsaan Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti 2024 anjuran Arkib Negara Malaysia. Konvensyen ini bertujuan untuk **mengumpulkan dan mendokumentasikan maklumat mengenai bahasa kolokial** supaya ia kekal terpelihara dan boleh dirujuk oleh generasi akan datang.

Sebanyak 11 siri Bicara Bahasa Kolokial telah dilaksanakan sejak tahun 2023 bagi mengangkat peranan bahasa sebagai agen perpaduan. Konsep nasionalisme bahasa telah menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan melalui dasar-dasar negara terutama Dasar Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan serta Dasar Perpaduan Negara yang dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya mencadangkan agar pemupukan dan inovasi perlu dilakukan demi kelangsungan sesebuah bahasa seperti **memperbanyakkan bahasa dialek dan bahasa kolokial dimasukkan ke dalam kamus agar menjadi sebahagian daripada bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan.**

Selain itu, beliau turut mencadangkan agar penggunaan teknologi terkini dan multi disiplin seperti pendekatan ***Geographical Information System (GIS)*** digunakan oleh pengkaji bahasa bagi **melaksanakan perluasan kajian ke atas bahasa kolokial dan dialek di semua negeri melibatkan semua bangsa, etnik dan suku kaum di Malaysia.**

Dari aspek pendidikan pula, beliau telah **mencadangkan agar pengajian atau pelajaran mengenai bahasa kolokial dan dialek/loghat tempatan dijadikan sebagai silibus bagi pengajian kebahasaan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Antara program yang boleh dilaksanakan termasuklah penceritaan, puisi dan seni persembahan menggunakan bahasa kolokial.

Konvensyen yang berlangsung selama dua (2) hari ini menampilkan pemimpin pengkaji bahasa dan budaya, penggiat seni sastera dan budaya, ahli akademik, agensi sawasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan belia, pegawai kerajaan, penuntut IPT, dan juga komuniti pelbagai kaum termasuk Sabah dan Sarawak bagi membincangkan strategi dan pendekatan terbaik bagi mendokumentasikan dan melestarikan penggunaan bahasa kolokial dalam kalangan masyarakat.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

6 November 2024